


TARIKH	RABU, 17 APRIL 2024
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	USAS MANFAAT TANAH 8.1 HEKTAR DENGAN PENANAMAN PADI NUKLEAR
M/S	10
BIDANG	NUCLEAR MALAYSIA
KATA KUNCI	MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY, PADDY, NMR152

USAS manfaat tanah 8.1 hektar dengan penanaman padi nuklear

Ipoh: Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) akan memulakan penanaman padi NMR-152 atau padi nuklear di Mukim Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar membabitkan keluasan 8.1 hektar dalam usaha memanfaatkan keluasan tanah terbiar di Perak bagi pembangunan sekuriti makanan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Mohd Zolkafly Harun berkata fasa awal projek rintis Pembangunan Tanah Sawah Terbiar itu merangkumi penanaman seluas satu hektar di tanah terbiar membabitkan lima penduduk Kampung Kandang Hulu, Kota Lama Kanan sebelum disasar untuk diperluaskan lagi kepada keseluruhan 40.5 hektar.

Katanya, selain penanaman secara berskala besar, penanaman berskala kecil menerusi program 'Lamanku, Berasku' turut disasarkan iaitu menerusi pembekalan set lengkap penanaman padi untuk diusahakan secara penanaman polibeg di kawasan rumah masing-masing membabitkan sebanyak 20 rumah penduduk kampung itu.



MOHD Zolkafly (dua kiri) menunjukkan kawasan penanaman padi NMR-152 menerusi projek rintis Pembangunan Tanah Sawah Terbiar di Mukim Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar.

Menurutnya, bagi penanaman berskala besar ia membabitkan tiga fasa termasuk fasa kedua di mana ia membabitkan empat plot ujian penanaman seluas 0.2 hektar bagi setiap plot dengan penyertaan lima orang komuniti setempat selain fasa ketiga yang membabitkan penanaman pada keluasan 8.1 hektar.

Mohd Zolkafly yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lintang berkata, projek rintis yang dijangka menampakkan hasil enam bulan dari sekarang itu juga turut dipersetujui dibuat di kawa-

san perkampungan Orang Asli dalam kawasan Dun Lintang memandangkan penanaman padi varieti berkenaan yang disifatkan tidak terlalu teknikal.

"Padi jenis NMR-152 ini tidak teknikal sangat memandangkan ia tahan cuaca ekstrim dan serangan penyakit, selain hanya memerlukan bekalan air yang minimum bagi penghasilan padi yang optimum. Malah padi boleh dituai dalam masa 110 hari yang justeru dapat mencapai sasaran penanaman padi tiga kali setahun atau lima kali dua tahun," katanya.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM